

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful keluarga anda.



Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: 16/06/2025

1 Apakah IKHLAS Impianku?

IKHLAS Impianku adalah produk takaful endowmen dengan gabungan perlindungan dan simpanan. Ia menawarkan perlindungan takaful selama 30 tahun. Manfaat akan dibayar secara sekaligus jika anda meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal sepanjang tempoh sijil takaful.

Konsep syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- **Tabarru'** – merujuk kepada sumbangan oleh peserta-peserta takaful ke dalam dana risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam dana risiko.
- **Wakalah bil Ujrah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak syarikat.

Nota: "pihak syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

2 Kenali Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, berdasarkan amaun perlindungan sebanyak RM250,000 untuk lelaki berumur 30 tahun yang sihat, pelan 20Pay30 dan **RM45,750** sumbangan takaful tahunan, anda akan menerima **manfaat takaful keluarga** berikut:

Manfaat Kematian	500,000 (Berdasarkan 200% daripada amaun perlindungan asas) + dana individu peserta (PIF) (jika ada)								
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	500,000 (Tambah kepada manfaat kematian) + PIF (jika ada)								
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	500,000 (Berdasarkan 200% daripada amaun perlindungan asas) + PIF (jika ada)								
Manfaat Impian	Amaun akan dibayar setiap 2 tahun. Butiran pembayaran adalah seperti berikut: Pelan 20Pay30 <table border="1"><thead><tr><th>Tahun Sijil Berakhir</th><th>% dari Amaun Perlindungan Asas</th></tr></thead><tbody><tr><td>2 - 20</td><td>5.00</td></tr><tr><td>22 - 28</td><td>25.00</td></tr><tr><td>30</td><td>80.00</td></tr></tbody></table>	Tahun Sijil Berakhir	% dari Amaun Perlindungan Asas	2 - 20	5.00	22 - 28	25.00	30	80.00
Tahun Sijil Berakhir	% dari Amaun Perlindungan Asas								
2 - 20	5.00								
22 - 28	25.00								
30	80.00								
Manfaat Matang	250,000 + PIF (jika ada).								

Pengecualian takaful keluarga anda termasuk:

- Manfaat kematian tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung akibat daripada membunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh sijil takaful dikeluarkan atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian.
- Manfaat HUMK tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis atau mengalami sebarang ketidakupayaan, penyakit atau kecederaan sebelum atau pada tarikh kuat kuasa sijil atau pada mana-mana tarikh penguatkuasaan semula.
- Manfaat kematian akibat kemalangan tidak akan dibayar sekiranya kemalangan yang berlaku semasa atau disebabkan oleh orang yang dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol melebihi tahap yang dibenarkan oleh undang-undang atau dadah selain daripada yang preskripsi yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mestilah merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
+603-2723 9696



Lawati kami di:
<https://www.takaful-ikhlas.com.my/category/saving-product/ikhlas-impiantu>



E-mel kami di:
ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda mesti membayar sumbangan takaful sebanyak:							
Sumbangan	RM254.65 Bulanan						
Tempoh: sehingga umur 65 tahun							
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:							
Yuran Wakalah	17.8% daripada sumbangan atau RM10,878						
Caj lain yang berkenaan	i) Caj Sijil Takaful: <table border="1"><thead><tr><th>Mod Sumbangan</th><th>Caj Bulanan</th></tr></thead><tbody><tr><td>Tahunan</td><td>RM4</td></tr><tr><td>Setengah Tahunan/ Suku Tahunan/ Bulanan</td><td>RM5</td></tr></tbody></table> ii) Yuran Pengeluaran Sebahagian*: RM50 untuk setiap transaksi iii) Caj Serahan*: RM100 iv) Insentif Prestasi Lebihan: 50% dari lebihan kasar boleh-agih v) Yuran Prestasi Pelaburan: 30% dari pendapatan pelaburan PIF	Mod Sumbangan	Caj Bulanan	Tahunan	RM4	Setengah Tahunan/ Suku Tahunan/ Bulanan	RM5
Mod Sumbangan	Caj Bulanan						
Tahunan	RM4						
Setengah Tahunan/ Suku Tahunan/ Bulanan	RM5						
*Yuran ini mungkin akan disemak semula pada masa akan datang dan ianya juga tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.							

4 Syarat Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk permohonan tuntutan anda ditolak atau polisi dibatalkan.
- Sekiranya kami tidak menerima sumbangan takaful pada tarikh akhir bayaran dan dengan syarat amaun di dalam PIF adalah mencukupi, amaun dalam PIF akan digunakan untuk membayar sumbangan yang tertunggak sehingga amaun dalam PIF tidak lagi mencukupi untuk membayar caj-caj tersebut. Sekiranya berlaku, sijil takaful anda akan luput.
- Tempoh ehsan adalah selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir sumbangan takaful untuk membayar sumbangan takaful anda.
- Semasa penyerahan, nilai PIF selepas ditolak sebarang caj serahan akan dibayar. Sila rujuk kepada ilustrasi manfaat untuk butiran lanjut nilai serahan.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

Bolehkah sijil takaful ini dibatalkan?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil tersebut dalam tempoh 15 hari selepas sijil anda diterima. Sumbangan yang telah anda bayar (kurang sebarang yuran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- **Notis Bertulis:** Sekiranya anda mendapati bahawa pelan yang telah anda pilih tidak lagi sesuai pada masa hadapan, anda boleh menyerahkan sijil takaful dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Syarikat akan memulangkan nilai serahan serta jumlah terkumpul dalam PIF, jika ada, selepas ditolak yuran penyerahan. Sijil takaful termasuk semua rider yang dilampirkan kepada pelan asas ini (jika ada) akan tamat selepas itu.

Manfaat yang layak dibayar di bawah Sijil Takaful ini dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk kepada Risalah 'PIDM's TIPS' atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

- Saya mengakui bahawa Takaful Ikhlas Family Berhad telah memberikan saya salinan PDS.
 Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

*Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.

Nama: Rafiq
Tarikh: 11/06/2025